

## MAKLUMAT INOVASI 2016

i.	Nama Ketua Kumpulan :	Dr. Hamdan bin Mohamed Hadi
ii.	Jawatan dan Gred :	Pegawai Veterinar, G41
iii.	Alamat :	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor, Lot 2, Jalan Utas 15/7, 40630 Shah Alam
iv.	No. Telefon Pejabat dan Tel. Bimbit serta No. Faks :	Pejabat : 03 55103900 Bimbit : 019 603 4032 Faks : 03 55103903
v.	E-mail	hamdan@dvssel.gov.my
vi.	Senarai Ahli Kumpulan, Jawatan dan Gred	
		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Encik Muhamad Helmi b. Baharum, Penolong Pegawai Veterinar G27</li> <li>2. Cik Farah Nur Zahidah bt. Hamzah, Pembantu Veterinar G17</li> <li>3. Cik Nik Rozaidah bt. Nik Zainuddin, Pembantu Veterinar G17</li> </ol>

a.	Tajuk Inovasi
	<b>MOBILE GO SYSTEM</b>
b.	Ringkasan Inovasi
	<p>Mobile Go System adalah sejenis alat yang mampu mengesan tahap kualiti effluen yang dilepaskan oleh ladang ternakan dengan sangat cepat dan tepat. Aalat ini boleh dibawa ke lapangan untuk memberikan keputusan serta-merta.</p>
c.	Latarbelakang

	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor (DVSSEL) telah mula menguatkuasakan pelesenan ladang babi bermula tahun 2012 setelah Kaedah-kaedah Pelesenan Ladang Babi (Negeri Selangor) 2012 diwartakan.</li> <li>2. Salah satu elemen yang ditekankan dalam pelesenan ladang babi di Negeri Selangor adalah kualiti dilepaskan oleh ladang babi ke saluran parit awam yang mana ia menjadi isu kacauganggu awam yang besar kepada penduduk di sekitar Tg. Sepat. Parameter kualiti effluen yang disaring perlu menepati kehendak enakmen iaitu : <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Keperluan Oksigen Kimiahayat (B.O.D) = 50 mg/l atau kurang</li> <li>b. Keperluan Oksigen Kimia (C.O.D) = 200 mg/l atau kurang</li> <li>c. Pepejal-pepejal ampaian = 100 mg/l atau kurang</li> </ol> </li> <li>3. Bagi memampukan mencapai sasaran sekurang-kurangnya 2 kali saringan setahun, DVSSEL telah membeli alat Mobile Go System iaitu sebuah alat yang berupaya memberi bacaan semua parameter berkenaan sepantas 60 saat dan boleh dibawa terus ke lapangan.</li> </ol>
d.	Penjelasan Inovasi
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sebelum inovasi, DVSSEL menjalankan saringan effluen melalui pengambilan sampel di lapangan dan terpaksa menghantarnya ke makmal swasta dengan anggaran RM 65.00 per sampel bagi mengesan parameter tersebut. Oleh itu, jumlah kos bagi 1 program saringan effluen untuk semua 128 ladang babi adalah RM 8,320.00.</li> <li>2. Antara kelemahan yang dikesan DVSSEL menggunakan kaedah konvensional melalui perkhidmatan makmal swasta ini adalah: <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Jangkamasa yang lama diambil untuk mendapatkan keputusan saringan iaitu 5 hingga 7 hari.</li> <li>➤ Bilangan sampel yang boleh diuji dan diambil oleh makmal pada satu masa yang terhad kepada 20 sampel sehari sahaja.</li> <li>➤ Kos yang agak tinggi bagi 1 kali saringan bagi kesemua ladang babi</li> <li>➤ DVSSEL hanya dapat menjalankan 1 kali ujian setahun. Ini menyukarkan tindakan penguatkuasaan dan pemantauan bagi ladang yang melanggar had parameter yang dibenarkan.</li> </ul> </li> </ol>
e.	Faedah Inovasi
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Alat boleh dibawa ke lapangan</li> <li>2. Mampu mempercepatkan keputusan daripada 5 hari kepada 60 saat sahaja.</li> <li>3. Tindakan penguatkuasaan ke atas penternak yang melanggar had parameter yang ditetapkan boleh dilakukan serta-merta.</li> <li>4. Mengurangkan kos yang perlu ditanggung oleh Jabatan sebanyak 830% iaitu daripada RM16,640 setahun (2 saringan, 128 ladang) kepada RM2,000 setahun sahaja (kos penyelenggaraan alat).</li> </ol>